

05 SEP 1996

Umno-Kempen

SURAT TAHNIAH DAN KAD UCAPAN MENJADI BAHAN KEMPEN PEMILIHAN UMNO

Oleh: Syed Imran Alsagoff

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- "Jemputlah ke pejabat bila di KL...", demikian pelawaan yang terkandung dalam sepucuk surat yang dikirimkan oleh seorang calon bagi jawatan Majlis Tertinggi Umno kepada wakil ke Perhimpunan Agung parti itu.

Calon itu, seorang timbalan menteri dari sebuah negeri di utara Semenanjung, menggunakan alamat pejabatnya di Pusat Bandar Damansara dengan menggunakan kepala surat khas yang tertera bendera dan lambang Umno.

Surat tersebut, yang menggunakan sapaan "adinda, kekanda, ayahanda atau bonda" mengikut kedudukan penerima surat itu, dimulakan dengan ucapan "setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan saudara dipilih selaku wakil ke Perhimpunan Agung Umno Malaysia bagi tahun 1996".

Surat itu turut memuji wakil berkenaan dan menyampaikan harapan agar "persahabatan kita akan berkekalan" untuk sama-sama meneruskan perjuangan suci parti.

Penerima surat itu, yang meminta namanya dirahsiakan, berkata beliau tidak mengenali calon berkenaan secara peribadi apatah lagi "bersahabat" dengannya.

Seorang lagi calon jawatan tinggi parti yang juga seorang menteri besar, turut menghantar surat ucapan tahniah kepada wakil ke Perhimpunan Agung Umno.

Dengan menggunakan kepala surat rasmi pejabat menteri besar, beliau menghulurkan ucapan "tahniah kerana tuan telah berjaya menjadi perwakilan Umno Bahagian ke Perhimpunan Agung Umno mulai 9 hingga 12 Oktober 1996".

Beberapa orang calon yang memegang jawatan dalam kerajaan, turut mengirim surat atau kad ucapan kepada para perwakilan dan ada yang menggunakan perkhidmatan pos percuma "Urusan Seri Paduka Baginda".

Sempena sambutan ulang tahun Umno ke-50 dan Hari Kebangsaan yang ke-39, beberapa orang calon Majlis Tertinggi turut mengirim kad-kad ucapan yang tertera gambar mereka.

Seorang tokoh korporat yang mempunyai kepentingan dalam sebuah harian tabloid, menghantar dua bentuk kad ucapan kepada perwakilan. Yang pertama sempena ulang tahun Umno ke-50 dan yang kedua atas pemilihan sebagai perwakilan bahagian ke Perhimpunan Agung Umno.

"Saya berdoa agar saudara terus dirahmati Allah SWT untuk melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepada saudara," katanya dalam kad ucapan itu.

Kad-kad nama yang tertera gambar calon dan senarai jawatan yang pernah dan sedang disandang oleh calon itu turut dikirim kepada anggota perwakilan.

Antara calon yang mengirim kad tersebut ialah beberapa orang anggota Exco Kerajaan-kerajaan Negeri, menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan tokoh-tokoh korporat.

Dua orang menteri besar yang bertanding bagi jawatan tinggi dalam parti turut "membeli" beberapa buah meja pada majlis jamuan makan malam Persatuan Anak-anak Melayu Pulau Pinang di Kuala Lumpur dan Selangor di sebuah hotel di sini awal minggu ini.

Majlis itu turut dihadiri Timbalan Presiden Umno yang juga Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Luar Datuk Abdullah Badawi dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad.

Setiap meja untuk 10 orang yang dijual dengan harga RM1,000, RM3,000

dan RM5,000 itu dipenuhi anggota perwakilan dan penyokong kedua-dua tokoh berkenaan yang mengambil kesempatan untuk turut "berkempen" bagi pihak calon mereka.

Selain mengirim surat dan kad ucapan, beberapa orang tokoh yang bertanding merebut jawatan dalam Umno turut menghadiri majlis-majlis jamuan di rumah ketua cawangan atau wakil ke Perhimpunan Agung.

Kebanyakan daripada majlis tersebut ditaja tokoh berkenaan atau "pengurus kempen" mereka.

Nampaknya, ingatan dan amaran yang diberikan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar, selaku Pengerusi jawatankuasa disiplin parti, tidak begitu dihiraukan oleh mereka yang ghairah untuk merebut jawatan dalam parti.

Dengan tegas, Dr Mahathir mengingatkan calon-calon untuk pemilihan Umno, tidak kira untuk apa jawatan pun, bahawa mereka harus menarik diri daripada bertanding jika melanggar peraturan pemilihan.

Beliau berkata jika mereka ikhlas dan mengetahui mereka telah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan Umno, mereka harus berundur.

"Kalau sayang kepada Umno dan tidak mahu melihat Umno rosak kerana kurang moral dan etika yang begitu longgar, mereka patut tarik diri," katanya kepada pemberita sekembalinya dari lawatan ke China baru-baru ini.

-- BERNAMA

SIA NMO